

16/01/1997

PM terima anugerah Raja Faisal

LOS ANGELES, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipilih sebagai penerima Hadiah Antarabangsa Raja Faisal 1997 bagi kategori sumbangan terhadap Islam oleh Yayasan Raja Faisal, Riyadh, Arab Saudi.

Berita itu dimaklumkan oleh Setiausaha Agung yayasan berkenaan, Putera Bandar Saud Khaled al-Saud yang menghubungi Perdana Menteri melalui telefon di sini, hari ini.

Selain Dr Mahathir, turut menerima anugerah yang diwujudkan pada 1976 itu ialah Prof Abdulkareem Zaidan Baheej Alani dari Iran bagi kategori pengajian Islam dan Prof Carl E Wieman serta Dr Eric A Cornell dari Amerika Syarikat untuk kategori sains.

Yayasan berkenaan menganugerahkan tiga pakar perubatan iaitu Prof James Francis Gusella dari Kanada, Prof Colin Louis Master (Australia) dan Prof Konrad Traugott Beyreuther (Jerman) bagi kategori perubatan.

Anugerah itu disampaikan di Riyadh pada Mac depan.

Setiap penerima memperolehi sijil, medal emas dan hadiah wang RM500,000.

Dr Mahathir berada di sini dalam rangka lawatan seminggu ke Amerika Syarikat untuk mempromosikan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurut kenyataan Yayasan Raja Faisal, pemilihan Dr Mahathir berdasarkan sumbangannya yang besar terhadap Islam sama ada di Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri dianggap pemimpin Islam yang sangat dihormati dan dasar yang diperkenalkannya mampu merapatkan lagi hubungan serta kerjasama di kalangan rakyat Malaysia beragama Islam dan bukan Islam.

Dr Mahathir juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan institusi budaya dan ekonomi berteraskan Islam di Malaysia termasuk Universiti Islam Antarabangsa, Pusat Islam, Bank Islam dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

Selain itu, Perdana Menteri membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara Islam lain serta golongan minoriti Islam di Asia Tenggara.

(END)